

## Dalam Negeri

## Tuntut UEC ibarat hendak paha

TEO KOK  
SIONG

**D**ALAM tuntutan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) sekolah menengah persendirian Cina yang terbaharu oleh Hua Zong (Persekutuan Pertubuhan Cina), alasan yang digunakan masih ada orang Cina yang tidak menguasai bahasa Cina dengan baik. Pendek kata, ramai belum fasih.

Alasan ini sudah tentu dibuat dalam konteks ada keperluan mendesak supaya pendidikan aliran bahasa Cina di negara ini terus diperkasakan dengan mengiktiraf UEC. Ini sama ada munasabah atau tidak, cuba dikemukakan sebagai bukti sahih untuk kerajaan menerima UEC sebagai sebahagian sistem pendidikan negara. Dengan adanya penemuan ini, logik Hua Zong ialah masalah penguasaan bahasa Cina yang tidak baik ini akan dapat diatasi.

Satu persoalan ialah adakah benar kaum Cina tidak berjaya menguasai bahasa Cina dengan baik akibat kekurangan pendidikan yang dihadapi? Marilah kita meneliti kemudahan yang tersedia untuk memperoleh pendidikan aliran bahasa Cina di negara ini.

Sekitar 95 peratus murid Cina belajar sepenuhnya selama enam tahun dalam bahasa Mandarin di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC). Selepas itu, kebanyakan mereka meneruskan pelajaran di sekolah menengah jenis Kebangsaan (SMJK) yang menawarkan pendidikan sebilangan mata pelajaran dalam bahasa Mandarin. Antaranya bahasa itu sendiri, dan Kesusasteraan Cina ikut ditawarkan dalam Pentaksiran Tingkatan Tiga, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.

Bagi mereka yang hendak terus belajar sepenuhnya dalam bahasa Mandarin, mereka boleh ke sekolah menengah persendirian Cina yang menawarkan UEC.



MANDARIN adalah bahasa etnik serta warisan Cina dan tidak lebih daripada itu dalam dasar bahasa di negara ini. - GAMBAR HIASAN

**Menggunakan alasan penguasaan Mandarin yang masih tidak baik, sebenarnya tidak betul pun sebagai simpati yang perlu diberikan oleh kerajaan dalam mengiktiraf UEC."**

**MANDARIN**

Pengajian Cina yang ikut dikendalikan dalam bahasa Mandarin dalam pelbagai pengkhususan sama ada bahasa, sastera dan budaya ada ditawarkan di kedua-dua universiti awam dan swasta di negara ini.

Di rumah, kaum Cina rata-ratanya sudah lama tidak menggunakan bahasa sukuan seperti Hokkien, Hulam dan Kantonis kepada anak-anak mereka sebagai bahasa ibunda. Ia digantikan dengan Mandarin yang bukan bahasa

sukuan kaum Cina.

Sehubungan itu, Mandarin yang merupakan bahasa negara di China antaranya sebagai bahasa rasmi yang digunakan dalam pelbagai bidang formal iaitu pendidikan dan lain-lain, digunakan sebagai bahasa ibunda oleh kaum Cina.

Ekoran itu, Mandarin kini bukan sahaja bahasa ibunda, ia juga *lingua franca* yakni bahasa perhubungan sesama kaum Cina di seluruh Malaysia menggantikan Hokkien dan Kantonis.

Dengan keadaan linguistik sedemikian yang positif sehingga ia diakui sistem paling lengkap di luar wilayah asalnya, tidak masuk akal jika didakwa ia tiada dampak positif kepada penguasaan bahasa Mandarin dalam kalangan kaum Cina. Malah kebanyakan kaum Cina yang berpendidikan aliran bahasa Cina hanya fasih dalam Mandarin walaupun ikut diajar dan mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Oleh sebab itu, walaupun setelah 63 tahun negara merdeka, masih ada keperluan mendesak untuk berbahasa Mandarin kepada kaum Cina. Hal ini dapat

dilihat pada beberapa siaran kerajaan yang perlu diterjemahkan dalam Mandarin.

Menggunakan alasan penguasaan Mandarin yang masih tidak baik, sebenarnya tidak betul pun sebagai simpati yang perlu diberikan oleh kerajaan dalam mengiktiraf UEC. Bukan sahaja boleh mengelirukan keadaan betul yang sebenarnya, ia juga boleh dianggap sebagai percubaan mendalihkan iaitu membuat pihak lain mempercayai sesuatu yang tidak benar.

Bahasa Cina, baik Mandarin mahupun yang lain-lain adalah hanya vernakular di negara ini. Ini bermakna ia bahasa etnik serta warisan Cina dan tidak lebih daripada itu dalam dasar bahasa di negara ini. Oleh itu, ia hanya penting dalam ranah domestik kaum Cina dan tidak sesekali dalam ranah nasional negara.

**VERNAKULAR**

Bagaimanapun, di negara ini, bahasa Mandarin yang hanya vernakular telah diberikan pelbagai keistimewaan di peringkat nasional yang sepatutnya

tidak layak pun dinikmati oleh sebuah bahasa yang tarafnya hanya vernakular.

Dalam hal ini, Mandarin dibenarkan berfungsi sebagai bahasa pendidikan di SJKC, bahasa mata pelajaran di sekolah menengah kerajaan, bahasa ilmu dalam pendidikan tinggi universiti awam dan bahasa media massa di stesen kerajaan.

Sesungguhnya fungsi nasional sebegini tidak dapat dirasai selengkap ini, apatah lagi dicapai setuntas ini oleh bahasa Mandarin di mana-mana tempat lain kecuali hanya di Malaysia. Oleh itu, kaum Cina harus sangat berterima kasih kepada pelbagai keistimewaan yang diberikan itu dan tidak patut terus rakus untuk mendapat paha setelah diberi betis.

Memadailah dengan status quo pada UEC itu, yakni ia terus wujud sebagai entiti swasta dalam sistem pendidikan negara, seperti yang dipilih sendiri oleh kaum Cina apabila tidak mahu menerima tawaran sebagai entiti kerajaan pada 1962.

PROFESOR DATUK DR. TEO KOK SIONG ialah Felo di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Maja Profesor Negara